

Rabu, 15 April 2020 | 1:50pm



Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang, Mohd Ridzuan Ab Ghapar. - Foto SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZAL

KPDNHEP terima 555 aduan berkaitan bekalan, harga barang

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

BUTTERWORTH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang menerima 555 aduan berhubung bekalan dan harga barangan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu.

Pengarahnya, Mohd Ridzuan Ab Ghapar, berkata kebanyakan aduan yang diterima adalah berkaitan penjualan topeng muka dan cecair pembasmi kuman.

Selepas menerima aduan, beliau berkata, pihaknya menggerakkan 135 penguat kuasa ke lokasi yang dimaklumkan oleh pengadu.

"Sehingga kini, 626 premis membabitkan 312 pasar raya, 68 kedai runcit dan 246 pasar awam diperiksa. Kami turut memeriksa 834 premis pengilang, pemborong dan peruncit bagi memastikan bekalan keperluan harian mencukupi.

"Kompaun juga dikeluarkan kepada peniaga yang melanggar peraturan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Mengenai bekalan makanan serta perbuatan menyorok barangan keperluan, Mohd Ridzuan berkata, kerajaan melalui agensi berkaitan sudah memberi jaminan bahawa bekalan makanan sentiasa mencukupi.

"Jika terdapat aktiviti menyorok bekalan pula, rakyat diminta melaporkannya kepada KPDNHEP untuk tindakan lanjut," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/677452/kpdnhep-terima-555-aduan-berkaitan-bekalan-harga-barang>

